



KETUA SETIAUSAHA NEGARA,  
MALAYSIA,  
*Jabatan Perdana Menteri,*  
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya

Telefon: 88881480/  
88883381  
Fax: 88883382

PM 11880/A/078/14 Jld. 5

1 Oktober 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

---

### **SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2010**

---

### **TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PENJAWAT AWAM YANG MEMBUAT KENYATAAN MENYENTUH SENSITIVITI KAUM DAN AGAMA**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan kepada agensi-agensi Kerajaan bagi mengambil tindakan segera dan tegas terhadap penjawat-penjawat awam yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama sehingga menjelaskan perpaduan kaum.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Perpaduan antara kaum merupakan perkara asas dalam pembinaan negara dan Kerajaan sentiasa berusaha menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Namun sejak akhir-akhir ini

berbangkit pelbagai isu sehingga boleh menjasakan kerukunan dan perpaduan dalam negara kita, antaranya kenyataan-kenyataan yang menyentuh isu perkauman dan keagamaan oleh sebilangan penjawat awam.

3. Kerajaan amat memandang serius perkara ini dan sehubungan ini setiap penjawat awam diingatkan supaya tidak membuat sebarang kenyataan yang secara langsung atau tidak langsung boleh ditafsirkan sebagai menghina atau merendah-rendahkan sesuatu kaum dan agama dalam apa juga tujuan dan keadaan. Perbuatan yang sedemikian itu boleh diertikan sebagai mencemarkan nama dan imej Perkhidmatan Awam serta tidak bertanggungjawab iaitu melanggar tata kelakuan penjawat awam di bawah Peraturan 4(2)(d) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

#### **TANGGUNGJAWAB AGENSI**

4. Semua agensi Kerajaan adalah dikehendaki mengambil tindakan serta-merta lagi tegas ke atas mana-mana anggota agensi masing-masing yang mengeluarkan kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama, berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Kerajaan juga telah memutuskan supaya tindakan menggantung mana-mana penjawat awam yang didakwa mengeluarkan kenyataan sedemikian dari tugasnya diambil dengan serta-merta sementara menunggu siasatan lanjut. Langkah ini adalah untuk meredakan ketegangan yang mungkin timbul berikutan kenyataan berunsur hasutan yang dikeluarkan itu.


#### **PEMAKAIAN**

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## TARIKH KUAT KUASA

6. Peraturan ini berkuat kuasa mulai tarikh Surat Pekeliling Am ini dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



(TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN)  
Ketua Setiausaha Negara